



SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

YAYASAN INOVASI MALAYSIA MELANCARKAN GIGS – GIMI IMPAK UNTUK INOVASI AKAR UMBI DAN SOSIAL.

23 April 2025, Langkawi, Malaysia - Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), dengan kerjasama Clarus Consulting, dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran program perintis GIGS – GIMI Impak untuk Inovasi Akar Umbi dan Sosial. Program ini berasaskan metodologi *Global Innovation Management Institute* (GIMI) dan merupakan langkah penting dalam usaha untuk melahirkan generasi inovator baharu di Malaysia.

Fasilitator YIM telah membimbing sekumpulan pelajar cemerlang dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Langkawi melalui satu proses pembelajaran yang transformatif, dengan fokus kepada penyelesaian isu-isu sosial seperti pencemaran air, buruh kanak-kanak, dan kekurangan bekalan air bersih. Para pelajar telah dilatih untuk menghasilkan idea penyelesaian yang berimpak tinggi serta membentangkan inovasi mereka dengan penuh keyakinan, sekaligus melayakkan mereka untuk menerima Pensijilan Antarabangsa GIMI *Impact*.

"Program perintis ini merupakan inisiatif penting dalam memperkukuh usaha YIM dan MOSTI untuk membangunkan laluan bakat yang menyeluruh. Selaras dengan mandat untuk memupuk inovasi dan memperkasa individu, program ini menyediakan platform yang bernilai bagi pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang Sains, Teknologi, dan Inovasi (STI)," kata Dr. Sharmila Mohd Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif YIM.

Kesemua sembilan pasukan pelajar yang terlibat kini telah dilantik secara rasmi sebagai kohort pertama iCATS 2.0 dan akan menjadi sebahagian daripada ekosistem inovasi YIM selama lima tahun di bawah Dasar Inovasi Sosial (DIS) dan pelan hala tuju nasional. Idea-idea mereka akan diperhalusi menjadi inovasi berimpak tinggi yang mampu memberi kesan berkekalan kepada masyarakat. Di bawah Teras Kelima DIS – Bakat Inovasi Sosial dan Keusahawanan, penyertaan mereka akan memfokuskan kepada pemerkasaan bakat, pemantapan pendidikan, dan pengukuhan keusahawanan inovasi sosial.

YIM dengan sukacitanya mengalu-alukan penyertaan semua pihak untuk bersama-sama menyertai program ini. Sertailah usaha membangunkan masa depan Malaysia yang berteraskan inovasi—memperkasa belia dan memberi impak perubahan yang positif kepada dunia.

TAMAT

Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai Syarikat Terhad Mengikut Jaminan (CLBG) di bawah Akta Syarikat 1965 dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, mengenalpasti, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 7,400 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerkasaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di www.yim.my

Hubungi:

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)
Nur Aneita Abdullah Pandian
+6019-2294732
aneita@yim.my

Pautan gambar:

https://drive.google.com/drive/folders/1xk43m-64Li6EtA1iOrQh-w_QmQyGR4Ex?usp=drive_link